

# **PERANAN SYI'AH DALAM MENIMBULKAN KERAGUAN TERHADAP AL-QURAN**

Di antara peranan yang dimainkan oleh Syi'ah dalam usaha untuk memesongkan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. ini adalah dengan mendakwa bahawa al-Quran yang ada ini telahpun diselewengkan, ditokok-tambah, dikurangkan dan seumpamanya.

Kepercayaan ini adalah merupakan dharuriat aliran Syi'ah sebagaimana yang disebutkan oleh Sayyid Hashim al-Bahrani seorang ahli tafsir Syi'ah dengan katanya. "Saya yakin tentang benarnya (fahaman tentang al-Quran sudah diseleweng dan ditokok tambah) setelah diselidiki dan dikaji riwayat-riwayat dan atsar-atsar sehingga kita boleh memutuskan bahawa kepercayaan kepada perkara ini adalah salah satu daripada dharuriat aliran Syi'ah.<sup>1</sup>

Kertas kerja ini akan membincangkan beberapa tajuk berkenaan penyelewengan al-Quran di sisi Syi'ah.

1. Mengapa Syi'ah tidak boleh menerima bahawa al-Quran yang terdapat di tangan orang-orang Islam kini adalah al-Quran yang asli sebagaimana yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.
2. Riwayat-riwayat yang terdapat di dalam kitab-kitab utama Syi'ah berkenaan tahrif al-Quran.
3. Mushaf-mushaf yang lain selain dari al-Quran di sisi Syi'ah.
4. Pengakuan ulama Syi'ah tentang adanya akidah tahrif al-Quran di sisi Syi'ah.
5. Bentuk tahrif al-Quran di sisi Syi'ah.
  - 5.1. Tahrif dari segi susunan al-Quran dengan mengasingkan suatu ayat dengan ayat sebelum dan selepasnya.
  - 5.2. Tahrif dari segi makna.
  - 5.3. Tahrif dari segi lafaz.

## **1. Mengapa Syi'ah tidak boleh menerima bahawa al-Quran yang terdapat di tangan orang-orang Islam kini adalah al-Quran yang asli sebagaimana yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.**

- 1.1. Kerana kepercayaan mereka bahawa sahabat-sahabat Nabi s.a.w. yang merupakan pengumpul al-Quran telahpun murtad sepeninggalan Baginda s.a.w. bahkan mereka merupakan golongan manusia yang paling jahat di sisi Syi'ah. Apakah tidak mungkin golongan yang begitu jelek pekerti mereka akan merubah isi kandungan al-Quran apatah lagi di dalam al-Quran penuh dengan pujian-pujian terhadap para sahabat r.a. Bahkan andaikata Syi'ah mendakwa al-Quran yang dihimpunkan dan diwarisi turun temurun oleh Imam-imam maksum mereka itulah al-Quran yang terpelihara maka kita

---

<sup>1</sup> Al-Burhan fi Tafsiri al-Quran – Muqaddimah Fasal 4, hal. 49

akan mengatakan kepada mereka: "Apakah kamu percaya kepada al-Quran yang diwarisi turun-temurun oleh Imam-imam kamu itu terpelihara dan mereka (imam-imam) akan menjaganya tanpa melakukan sebarang perubahan, sedangkan mereka merupakan golongan yang berpegang kepada ajaran taqiyyah (bohong) serta mengatakan bahawa taqiyyah itu adalah ajaran yang penting dalam ajaran Syi'ah sehingga menjadi sembilan persepuluh daripada agama, apakah mereka (imam-imam) akan menyampaikan al-Quran ini kepada kamu tanpa sebarang taqiyyah?"

- 1.2. Di dalam al-Quran penuh dengan pujian terhadap sahabat-sahabat Nabi Muhammad s.a.w. sedangkan golongan Syi'ah berpegang kepada akidah takfir as-sahabat (akidah mengkafirkan para sahabat).
- 1.3. Kerana begitu banyak riwayat-riwayat yang sahih di sisi Syi'ah daripada Imam-imam maksum sehingga melebihi dua ribu riwayat bahawa al-Quran yang terdapat di tangan umat Islam kini telahpun diselewengkan. Bahkan tidak ada satupun riwayat daripada Imam-imam maksum mereka yang menyebutkan bahawa al-Quran inilah yang asli terpelihara daripada sebarang penyelewengan.
- 1.4. Golongan Syi'ah percaya Imamah termasuk salah satu aqidah penting mereka. Seseorang yang tidak menerimanya dianggap sebagai al-Kafir. Oleh kerana tidak terdapat di dalam al-Quran satu ayat pun yang dengan jelas menunjukkan keimanan kepada 12 orang Imam mereka, maka mereka mengadakan kepercayaan bahawa al-Quran yang ada ini telah diubah dan diselewengkan daripada asal untuk membenarkan aqidah mereka. Ini dapat dilihat dari kenyataan yang dinukilkan oleh Sayyid Mohsein al-Kasyani yang berbunyi:

وفي تفسير العياشي عن أبي جعفر عليه  
السلام قال: لولا إنه زيد في كتاب الله ونقص  
ما خفي حقنا على ذبحجي

Bermaksud: di dalam tafsir al-'Ayyasyi pengarangnya yang merupakan seorang ahli tafsir yang besar di sisi Syi'ah telah menyebutkan satu riwayat dari Abi Jaafar a.s. Kata beliau: "Sekiranya tidak berlaku tokok tambah di dalam kitab Allah, tentulah tidak tersembunyi hak kami (hak Imamah) kepada orang-orang yang mempunyai fikiran."<sup>2</sup>

## **2. Riwayat-riwayat yang terdapat di dalam kitab-kitab utama Syi'ah berkenaan tahrif al-Quran.**

2.1. Al-Kulaini yang diberikan gelaran thiqatul Islam (orang yang sangat dipercayai dalam Islam) telah membuat satu bab dalam kitabnya Al-Kafi yang berbunyi: "Bab tidaklah mengumpulkan al-Quran kesemuanya kecuali

---

<sup>2</sup> Tafsir as-Shafi Muqaddimah Keenam hal 10

imam-imam a.s. dan mereka mengetahui kesemua ilmu", lalu mengemukakan beberapa banyak riwayat daripada imam-imam maksum mereka berkenaan tahrif al-Quran, antaranya:

عن جابر قال: سمعت أبا جعفر عليه السلام يقول: ما ادعى أحد من الناس أنه جمع القرآن كله كما أنزل إلا كذاب، وما جمعه وحفظه كما نزله الله تعالى إلا علي بن أبي طالب عليه السلام والائمة من بعده عليهم السلام

Bermaksud: Daripada Jabir katanya, aku mendengar Abu Ja'far a.s. berkata: "Tidaklah seseorang itu mendakwa bahawa ia telah mengumpulkan al-Quran kesemuanya sebagaimana diturunkan melainkan ia adalah seorang pendusta, al-Quran tidak dihimpunkan dan dihafal sebagaimana diturunkan oleh Allah Ta'ala kecuali Ali bin Abi Talib a.s. dan imam-imam selepasnya a.s."<sup>3</sup>

2.2. Di tempat yang lain Al-Kulaini mengemukakan riwayat berkenaan pengumpulan al-Quran yang sebenar oleh Sayyidina Ali r.a. sebagaimana berikut:

عن سالم بن سلمة قال: قرأ رجل علي أبي عبدالله عليه السلام وأنا أستمع حروفا من القرآن ليس علي ما يقرؤها الناس، فقال أبو عبدالله عليه السلام: كف عن هذه القراءة اقرأ كما يقرأ الناس حتى يقوم القائم فإذا قام القائم عليه السلام قرأ كتاب الله عز وجل على حده وأخرج المصحف الذي كتبه علي عليه السلام وقال: أخرج علي عليه السلام إلى الناس حين فرغ منه وكتبه فقال لهم: هذا كتاب الله عز وجل كما أنزله [الله] علي محمد صلى الله عليه وآله وقد جمعته من اللوحين فقالوا: هو ذا عندنا مصحف جامع فيه القرآن لا حاجة لنا فيه، فقال أما والله

---

<sup>3</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Al-Usul Min al-Kafi* jil. 1 ms. 228

ما ترونه بعد يومكم هذا أبدأ، إنما كان علي أن أخبركم حين جمعته لتقرؤوه.

Bermaksud: Daripada Salim bin Salamah katanya: "Ada seorang membaca al-Quran kepada Abi Abdillah a.s. dan aku mendengar dengan teliti beberapa ayat al-Quran bukan sebagaimana yang dibaca oleh orang ramai, lalu Abu Abdillah a.s. berkata: "Berhentilah daripada bacaan sebegini, bacalah sebagaimana yang dibaca oleh orang ramai sehingga bangkit Al-Qaim (imam mahdi), bilamana Al-Qaim a.s. bangkit dia akan membaca kitab Allah 'Azzawajalla yang sebenar dan dia akan mengeluarkan mushaf yang ditulis oleh Ali a.s. Abu Abdillah a.s. berkata lagi: "Ali a.s. telah mengeluarkan al-Quran tersebut kepada orang ramai (sahabat-sahabat) setelah dia selesai daripada menghimpunkan dan menulisnya lalu dia berkata kepada mereka: "Ini adalah kitab Allah 'Azzawajalla sebagaimana yang Ia turunkan kepada Muhammad s.a.w. dan aku telah himpunkannya daripada dua lauh." Maka mereka (sahabat-sahabat) berkata: "Ini di sisi kami telahpun ada mushaf yang terhimpun di dalamnya al-Quran, kami tidak lagi berhajat kepadanya." Lalu dia (Ali a.s.) berkata: "Ketahuilah demi Allah! Kamu tidak akan dapat melihatnya selama-lamanya selepas hari ini, kewajiban atasku hanyalah menceritakan kepada kamu setelah aku menghimpunkannya supaya kamu membacanya".<sup>4</sup>

2.3. Di dalam "Bashaair ad-Darajat" pengarangnya yang merupakan salah seorang murid imam yang kesebelas di sisi Syi'ah iaitu Hasan Al-Askari a.s. telah mengemukakan satu riwayat yang berbunyi:

عن جابر قال: قال أبو جعفر (ع): دعا رسول الله أصحابه بمنى، فقال: يا أيها الناس! إنني تارك فيكم حرمة الله: وعترتي، والكعبة البيت الحرام ثم قال أبو جعفر: أما كتاب الله فحرفوا، وأما الكعبة فهدموا، وأما العترة فقتلوا.

Bermaksud: Daripada Jabir katanya: Abu Jaa'far a.s. berkata: Rasulullah s.a.w. telah menyeru sahabat-sahabatnya di Mina lalu berkata: "Wahai manusia! Sesungguhnya aku telah meninggalkan di kalangan kamu beberapa perkara yang diharamkan oleh Allah, Ithrahku (Ahlul Bait) dan ka'bah baitullahil haram. Kemudian Abu Jaa'far a.s. berkata: "Adapun kitab Allah

---

<sup>4</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Al-Usul Min al-Kafi* jil. 2 ms. 633

maka mereka telah menyelewengkannya, adapun ka'bah mereka telah merobohkannya dan adapun Ahl al-Bait mereka telah membunuhnya".<sup>5</sup>

Dan banyak lagi riwayat-riwayat dari imam-imam maksum di sisi Syi'ah yang menyebutkan berkenaan penyelewengan al-Quran di dalam kitab-kitab utama mereka seperti Tafsir al-'Ayyasyi, Tafsir al-Qummi, Al-Anwar An-Nu'maniyyah dan lain-lain lagi.

### **3. Mushaf-mushaf yang lain selain dari al-Quran di sisi Syi'ah.**

Golongan Syi'ah juga mempercayai tentang adanya mushaf-mushaf yang lain selain daripada al-Quran. Muhammad bin Ya'kub Al-Kulaini telah mengemukakan di dalam al-Al-Kafi beberapa riwayat berkenaan mushaf-mushaf tersebut. Antara mushaf-mushaf berikut adalah:

#### 3.1. Mushaf Fatimah.

عن حماد بن عثمان قال: سمعت أبا عبد الله عليه السلام يقول: تظهر الزنادقة في سنة ثمان وعشرين ومائة وذلك أني نظرت في مصحف فاطمة عليها السلام، قال: قلت: وما مصحف فاطمة؟ قال: إن الله تعالى لما قبض نبيه صلى الله عليه وآله دخل على فاطمة عليها السلام من وفاته من الحزن ما لا يعلمه إلا الله عزوجل فأرسل الله إليها ملكا يسلي غمها ويحدثها، فشكت ذلك إلى أمير المؤمنين عليه السلام فقال: إذا أحسست بذلك وسمعت الصوت قولي لي فأعلمته بذلك فجعل أمير المؤمنين عليه السلام يكتب كلما سمع حتى أثبت من ذلك مصحفا قال: ثم قال: أما إنه ليس فيه شيء من الحلال والحرام ولكن فيه علم ما يكون.

Daripada Hammad bin Uthman katanya: aku mendengar Abu Abdillah a.s. berkata: "Telah nyata golongan-golongan Zindiq pada tahun seratus dua puluh lapan dan perkara tersebut aku dapatinya dalam mushaf Fatimah a.s.

---

<sup>5</sup> Muhammad bin Hasan, Bashaair ad-Darajat juz 8 bab yang ke 17

Dia (perawi) itu berkata: "Apakah itu mushaf Fatimah?" Abu Abdillah a.s. menjawab: "Sesungguhnya tatkala Allah ta'ala mewafatkan Nabi-Nya s.a.w. maka Fatimah a.s. telah ditimpa kesedihan yang bersangatan, hanya Allah 'Azzawajalla sahaja yang mengetahuinya. Lalu Allah mengutuskan seorang malaikat kepadanya untuk menghilangkan kedukaan dan berbicara dengannya. Maka beliau a.s. telah mengadu perkara tersebut kepada Amirul Mukminin a.s. (Ali) lalu Ali a.s berkata: "Bilamana engkau merasa demikian dan mendengar suara, beritahulah aku. Maka Fatimah a.s. pun memberitahunya lalu Amirul Mukminin a.s. mula menulis tatkala dia mendengarnya sehingga beliau dapat menjadikannya sebagai satu mushaf". Perawi (Hammad) pun berkata: "Kemudian Abu Abdillah a.s. berkata: Ketahuilah sesungguhnya tidak ada sedikitpun di dalamnya berkaitan halal dan haram tetapi di dalamnya adalah ilmu sesuatu yang akan datang".<sup>6</sup>

### 3.2. Al-Jufr.

عن الحسين ابن أبي العلاء قال: سمعت  
أبا عبد الله عليه السلام يقول: إن عندي  
الجفر الأبيض، قال: قلت: فأى شئ فيه؟  
قال: زبور داود، وتوراة موسى، وإنجيل  
عيسى، وصحف إبراهيم عليهم السلام  
والحلال والحرام

Daripada Husain bin Abil 'Ala' katanya: "Aku mendengar Abu Abdillah a.s. berkata: "Sesungguhnya kita mempunyai Al-Jufr al-Abyadh". Perawi itu berkata: "Apakah yang terdapat di dalamnya?" Abu Abdillah a.s. menjawab: "Zabur Daud, Taurat Musa, Injil Isa, Suhuf-suhuf Ibrahim a.s. serta perkara halal dan haram".<sup>7</sup>

Dalam riwayat yang lain Imam Jaa'far As-Sadiq diriwayatkan berkata:

ثم قال: وإن عندنا الجفر وما يدرهم  
ما الجفر؟ قال قلت: وما الجفر؟ قال:  
وعاء من آدم فيه علم النبيين  
والوصيين، وعلم العلماء الذين مضوا من  
بني إسرائيل

<sup>6</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Al-Usul Min al-Kafi* jil. 2 ms 241

<sup>7</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Al-Usul Min al-Kafi* jil. 2 ms 241

Bermaksud: Kemudian Beliau (Imam Jaa'far a.s.) berkata: "Sesungguhnya kamu mempunyai al-Jufr, apakah mereka mengetahui apa itu al-Jufr"? Perawi berkata: "Apa itu al-Jufr"? Beliau a.s. menjawab: "Satu bekas daripada kulit yang di dalamnya terdapat ilmu nabi-nabi dan para wasi serta ilmu ulamak-ulamak yang lalu dari kalangan Bani Israil".<sup>8</sup>

### 3.3. Al-Jami'ah.

قال: ثم قال: يا أبا محمد وإن عندنا  
الجامعة وما يدرهم ما الجامعة؟ قال:  
قلت: جعلت فداك وما الجامعة؟ قال:  
صحيفة طولها سبعون ذراعاً بذرار رسول الله  
صلى الله عليه وآله وإملائه من فلق فيه  
وخط علي بيمينه، فيها كل حلال وحرام  
وكل شيء يحتاج الناس إليه حتى الارش في  
الخدش

Ringkasan daripada riwayat yang panjang bermaksud: Perawi (Abu Basir) berkata: "Kemudian beliau (Imam Jaa'far As-Sadiq) berkata: "Wahai Abu Muhammad! Sesungguhnya kami mempunyai al-Jami'ah, apakah mereka mengetahui apa itu al-Jami'ah? Perawi berkata: "Apakah itu al-Jami'ah? Beliau (Imam Jaa'far a.s.) berkata: "Satu shahifah yang panjangnya tujuh puluh hasta Rasulullah s.a.w. dan Baginda s.a.w. menyampaikannya dari belahan mulutnya dan Ali a.s. menulis dengan tangan kanannya, di dalamnya terdapat setiap perkara halal, haram dan setiap sesuatu yang diperlukan oleh manusia sehingga diyat dalam kes luka."<sup>9</sup>

## **4. Pengakuan ulama Syi'ah tentang adanya akidah tahrif al-Quran di sisi Syi'ah.**

4.1. Ali bin Ibrahim al-Qummi pengarang kitab tafsir tertua di sisi Syi'ah menyebutkan di dalam mukaddimahnyanya:

فالقرآن منه ناسخ، ومنه منسوخ، ومنه  
محكم، ومنه متشابه، ومنه عام، ومنه خاص،  
ومنه تقديم، ومنه تأخير، ومنه منقطع،  
ومنه معطوف، ومنه حرف مكان حرف، ومنه على  
خلاف ما انزل الله

<sup>8</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Al-Usul Min al-Kafi* jil. 2 ms 241

<sup>9</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Al-Usul Min al-Kafi* jil. 2 ms 241

Bermaksud: Al-Quran di antara ayatnya ada yang memansuhkan, ada yang dimansuhkan, ada yang muhkam dan ada yang mutasyabih, ada yang umum dan ada yang khusus, ada yang terdahulu dan ada yang terkemudian, ada yang terputus dan ada yang bersambung, ada yang diletakkan satu huruf di tempat satu huruf yang lain dan di antaranya ada yang berlainan dari apa yang diturunkan oleh Allah ta'ala.<sup>10</sup>

Bahkan pentahqiq kepada kitab tafsir tersebut menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan "Ada yang berlainan dari apa yang diturunkan oleh Allah ta'ala" dengan katanya:

مراده رحمه الله منه الآيات التي حذفت منها  
الفاظ على الظاهر كالآيات التي نزلت في  
امير المؤمنين عليه السلام مثل قوله تعالى  
يا ايها الرسول بلغ ما انزل اليك من ربك  
(في علي عليه السلام)

Maksud Imam al-Qummi adalah antaranya ayat-ayat yang dibuang daripadanya lafaz-lafaz secara zahir (penyelewengan pada lafaz al-Quran itu sendiri bukan maknanya) seperti ayat-ayat yang turun berkenaan Amir al-Mukminin Ali a.s. seperti firman Allah ta'ala "يا ايها الرسول بلغ ما انزل اليك من ربك (في علي عليه السلام)".

4.2. Allamah Husain bin Muhammad Taqiy an-Nuuri at-Thabarsi menukulkan kata-kata Sayyid Ni'matullah al-Jazaairi di dalam kitabnya Al-Anwar An-Nu'maniyyah yang berbunyi:

أن الأصحاب قد أطبقوا على صحة الأخبار  
المستفيضة بل المتواترة الدالة بصريحتها  
على وقوع التحريف في القرآن

Bermaksud: "Sesungguhnya tokoh-tokoh Syi'ah telah sepakat tentang sahinya hadits-hadits yang sampai ke peringkat mutawaatir yang menunjukkan dengan jelas tentang berlakunya penyelewengan terhadap al-Quran."<sup>11</sup>

4.3. Allamah Muhammad Baqir Al-Majlisi telah mengemukakan dalil dari segi pandangan logik yang menunjukkan berlakunya tahrif dalam al-Quran di mana beliau berkata:

---

<sup>10</sup> Tafsir Al-Qummi, Mukaddimah juz 1 mukasurat 6

<sup>11</sup> Fashlul Khitab Fi Tahrif Kitabi Rabbil Arbab hal. 31



والعقل يحكم بأنه إذا كان القرآن متفرقا  
منتشرا عند الناس وتصدى غير المعصوم  
لجمعه يمتنع عادة أن يكون جمعة كاملا  
موافقا للواقع، لكن لا ريب في أن الناس  
مكلفون بالعمل بما في المصاحف وتلاوته حتى  
يظهر القائم وهذا معلوم متواتر من طريق  
أهل البيت..عليهم السلام وأكثر أخبار هذا  
الباب مما يدل على النقص والتغيير

Bermaksud: Akal menghukum bahawa bilamana al-Quran itu berselerak dan bertebaran di sisi orang ramai dan orang yang tidak maksum tampil untuk menghimpunkannya maka dari segi adatnya terhalang untuk menjadi satu himpunan yang sempurna serta menepati kenyataan, akan tetapi tidak diragui lagi bahawa manusia ditakliffkan supaya beramal dengan apa yang terdapat di dalam mushaf-mushaf dan membacanya sehingga Al-Qaim (Imam Mahdi Syi'ah) muncul. Ini merupakan suatu yang sudah dimaklumi serta mutawatir melalui jalan Ahl al-Bait a.s. dan kebanyakan hadis-hadis berkenaan bab ini menunjukkan kepada berlakunya pengurangan dan perubahan (dalam al-Quran).<sup>12</sup>

Dan ramai lagi ulamak Syi'ah yang menerima bahawa telah berlakunya tahrif di dalam al-Quran seperti Syeikh Mufid di dalam Awailul Maqaalat hal 13, At-Thabarsi di dalam Al-Ihtijaj jilid 1 hal. 370, Al-Kasyani di dalam mukaddimah Tafsir As-Shafi, Abul Hasan Al-Amili di dalam mukaddimah Tafsir Mir'atul Anwar dan lain-lain lagi.

## **5. Bentuk tahrif al-Quran di sisi Syi'ah.**

5.1. Tahrif dari segi susunan al-Quran dengan mengasingkan sesuatu ayat dengan ayat sebelum dan selepasnya.

Golongan Syi'ah sering menyalahgunakan ayat-ayat al-Quran demi untuk menyesuaikan al-Quran dengan pegangan mereka dan bukannya hendak menyesuaikan pegangan mereka dengan al-Quran. Kerana itulah mereka sering memutuskan hubungan sesuatu ayat dengan ayat sebelum dan selepasnya supaya ayat tersebut bersesuaian dengan fahaman mereka sedangkan yang sebenarnya (sepertimana yang difahami Ahl as-Sunnah) ayat-ayat al-Quran saling ada hubungan antara satu sama lain seperti contohnya:

5.1.1. Ayat 33 surah al-Ahzab yang berbunyi:

---

<sup>12</sup> Mir'atul 'Uqul Fi Syarhi Ahadisir Rasul jil. 1 hal. 171

إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ  
وَيُطَهِّرَكُم تَطْهِيرًا

Bermaksud: Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu wahai "Ahl al-Bait" dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji).

Syi'ah mengatakan ayat ini langsung tidak ada kena mengena dengan ayat-ayat sebelum dan selepasnya dengan mengatakan ayat ini diturunkan oleh Allah ta'ala khusus untuk dua belas orang imam maksum mereka. Sedangkan ayat sebelum dan selepasnya bermula dari ayat ke 28 hingga 34 adalah membicarakan tentang isteri-isteri Rasulullah s.a.w.

5.1.2. Surah An-Nisa' ayat ke 24 yang berbunyi:

فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ فَرِيضَةً

Bermaksud: Kemudian mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran dengannya (setelah dia menjadi isteri kamu), maka berikanlah kepada mereka mas kahwinnya (dengan sempurna), sebagai suatu ketetapan (yang diwajibkan oleh Allah)

Syi'ah mengatakan ayat ini turun berkenaan nikah mut'ah (kahwin kontrak) dan tidak ada perkaitannya dengan ayat sebelum dan selepasnya sedangkan kalau diperhatikan kepada ayat-ayat sebelumnya bermula dari permulaan surah An-Nisa' lagi ianya mengisyaratkan kepada pernikahan yang berkekalan. Andaikata ayat ini turun berkenaan nikah mut'ah maka akan cacatlah susunan ayat ini jika dipandang kepada ayat sebelum dan selepasnya. Kerana jika dilihat kepada ayat sebelumnya bermula dari ayat ke tujuh lagi, ianya membicarakan berkenaan dengan hukum warisan atau pusaka yang berkait rapat dengan perkahwinan yang berkekalan dan begitulah ayat seterusnya juga berkenaan hukum perkahwinan yang berterusan . Apatah lagi dalam ayat itu sendiri pun tidak ada isyarat yang menunjukkan kepada perkahwinan bertempoh iaitu nikah mut'ah.

5.1.3. Surah Al-Maidah ayat ke 3:

الْيَوْمَ يَنْسَى الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا  
تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنَ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ  
وَأَتَمَّمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Bermaksud: Pada hari ini, orang-orang al-Kafir telah putus asa (daripada memesongkan kamu) dari agama kamu (setelah mereka melihat perkembangan

Islam dan umatnya). Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepada-Ku. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku telah meredhai Islam itu menjadi agama untuk kamu.

Syi'ah mengatakan potongan ayat ini letaknya di tempat yang salah susunannya kerana mereka mengatakan kalau diperhatikan kepada keseluruhan ayat ini maka kita akan dapati permulaan ayat membahaskan berkenaan halal serta haram dalam bab makanan, tetapi tiba-tiba perbahasannya berubah kepada perbahasan tentang putus asanya orang-orang kafir terhadap orang-orang Islam sebagaimana ayat yang dikemukakan di atas. Seterusnya ayat selepas itu juga membicarakan berkenaan dengan halal haram dalam makanan. Ini menunjukkan berlakunya kesilapan dalam menyusun al-Quran dan tidak mungkin kitab suci yang turunnya dari langit akan berlaku kesilapan yang seperti ini.

Sebenarnya tidak berlaku pun kesilapan dalam susunan ayat tersebut. Kalau kita perhatikan kepada keseluruhan ayat tersebut kita akan dapati Allah ta'ala hendak menjelaskan bahawa golongan kafir telahpun berputus asa dalam usaha mereka untuk memesongkan serta mencampakkan kekeliruan umat Islam dalam perkara agama ini sehingga kepada perkara yang kadang-kadang dianggap remeh iaitu berkaitan halal haram dalam makanan. Kemudian seterusnya Allah ta'ala hendak menjelaskan pula bahawa Dia telahpun menyempurnakan agama ini sehingga perkara yang kecil seperti berkaitan masalah makanan dan minuman, apatah lagi perkara-perkara yang lebih besar lagi daripada itu.

## 5.2. Tahrif dari segi makna.

Golongan Syi'ah juga sering menyalahgunakan ayat-ayat al-Quran demi untuk menyesuaikan al-Quran dengan pegangan mereka. Kerana itulah mereka sering melakukan penyelewengan makna al-Quran supaya bertepatan dengan kehendak mereka. Antaranya:

5.2.1. Al-Kulaini mengemukakan riwayat di dalam kitabnya al-Al-Kafi yang berbunyi:

عن أبي بصير قال سألت أبا عبد الله عليه السلام عن قول الله عز وجل: "أطيعوا الله وأطيعوا الرسول وأولي الأمر منكم" فقال: نزلت في علي بن أبي طالب والحسن والحسين عليهم السلام

Bermaksud: Daripada Abu Basir katanya: "Aku bertanya Abu Abdillah a.s. tentang firman Allah 'Azzawajalla: " Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri"

(orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu". Maka Beliau a.s. menjawab: "Ayat ini turun berkenaan Ali bin Abi Talib, Hasan, Husain a.s.<sup>13</sup>

Syi'ah mengatakan ayat ini menyabitkan kewajipan supaya beriman kepada imam dua belas di sisi mereka sedangkan ayat ini langsung tidak mempunyai perkaitan dengan imam-imam maksum mereka.

5.2.2. Ali bin Ibrahim Al-Qummi menafsirkan ayat ke 103 surah Ali Imran sebagaimana berikut:

وقوله (واعتصموا بحبل الله جميعا) قال التوحيد والولاية وفي رواية ابي الجارود عن ابي جعفر عليه السلام في قوله (ولا تفرقوا) قال ان الله تبارك وتعالى علم انهم سيفترقون بعد نبيهم ويختلفون فنهاهم عن التفرق كما نهى من كان قبلهم فامرهم ان يجتمعوا على ولاية آل محمد عليهم السلام ولا يفرقوا.

Bermaksud: Dan firman Allah ta'ala " Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah" dia (Al-Qummi) berkata: "Taitu tauhid dan walayah (walayah Ali dan imam-imam selepasnya a.s.). Dalam riwayat Abil Jarud daripada Abi Jaa'far a.s. berkenaan firman Allah ta'ala: "Dan janganlah kamu bercerai-berai" beliau a.s. berkata: "Sesungguhnya Allah tabaraka wa ta'ala telahpun mengetahui bahawa mereka akan bercerai-berai selepas Nabi mereka dan akan berselisih, maka Allah menegah mereka daripada bercerai-berai sebagaimana Allah melarang orang-orang sebelum mereka lalu Allah ta'ala memerintahkan mereka supaya bersatu di atas walayah keluarga Muhammad a.s. (imam dua belas) dan jangan berpecah-belah".(Tafsir al-Qummi jilid 1 m.s. 109).

Syi'ah menafsirkan "حبل الله" iaitu "tali Allah" dengan makna walayah imam dua belas mereka sedangkan maksud yang sebenarnya adalah berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Rasul s.a.w..

5.2.3. Al-Kulaini menukilkan satu tafsiran al-Quran di dalam kitabnya:

عن الثمالي، عن أبي جعفر عليه السلام قال: أوحى الله إلى نبيه صلى الله عليه وآله " فاستمسك بالذي أوحى إليك إنك على صراط

---

<sup>13</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Al-Usul Min al-Kafi* jilid 1 m.s. 287

مستقيم " قال: إنك على ولاية علي وعلي هو الصراط المستقيم.

Daripada Thumali daripada Abu Jaa'far a.s. katanya: "Allah telah mewahyukan kepada Nabi-Nya s.a.w. " Dengan yang demikian, berpegang teguhlah engkau kepada Al-Quran yang telah diwahyukan kepadamu; kerana sesungguhnya engkau berada di atas jalan yang lurus." Beliau a.s. berkata: "Sesungguhnya engkau berada di atas walayah Ali dan Ali adalah jalan yang lurus".<sup>14</sup>

### 5.3. Tahrif dari segi lafaz.

Di dalam kitab-kitab Syi'ah terdapat begitu banyak riwayat daripada imam-imam mereka yang membuktikan bahawa berlakunya tahrif pada lafaz al-Quran. Antaranya:

#### 5.3.1. Apa yang dikemukakan oleh Ali bin Ibrahim Al-Qummi di dalam tafsirnya:

واما ما هو كان على خلاف ما انزل الله فهو قوله " كنتم خير امة اخرجت للناس تأمرون بالمعروف وتنهون عن المنكر وتؤمنون بالله " فقال ابو عبدالله عليه السلام لقاري هذه الآية " خير امة " يقتلون امير المؤمنين والحسن والحسين بن علي عليه السلام؟ فقليل له وكيف نزلت يا بن رسول الله؟ فقال انما نزلت " كنتم خير ائمة اخرجت للناس "

Bermaksud: Adapun ayat yang menyalahi apa yang diturunkan Allah adalah firman-Nya, " كنتم خير امة اخرجت للناس تأمرون بالمعروف وتنهون عن المنكر وتؤمنون بالله " maka Abu Abdillah a.s. berkata kepada pembaca ayat tersebut, "Sebaik-baik umat? Sedangkan merekalah yang membunuh Amirul mukminin, Hasan dan Husain a.s.? Lalu Dia a.s. ditanya, "Bagaimanakah ayat ini turun wahai anak (cucu) Rasulullah s.a.w.? Maka diapun menjawab, "Sesungguhnya ayat ini turun " <sup>15</sup> كنتم خير ائمة اخرجت للناس "

#### 5.3.2. Beberapa contoh ayat al-Quran yang telah diselewengkan berdasarkan riwayat daripada imam-imam maksum Syi'ah di dalam kitab al-Al-Kafi.

##### 5.3.2.1.

<sup>14</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Al-Usul Min al-Kafi* jilid 1 m.s. 119

<sup>15</sup> Tafsir al-Qummi jilid 1 m.s. 11

عن عبدالله بن سنان، عن أبي عبدالله عليه السلام في قوله: " ولقد عهدنا إلى آدم من قبل " كلمات في محمد وعلي وفاطمة والحسن والحسين والائمة عليهم السلام من ذريتهم " فنسي " هكذا والله نزلت على محمد صلى الله عليه وآله .

Daripada Abdullah bin Sinan daripada Abu Abdillah a.s. berkenaan firman Allah Ta'ala: " Dan demi sesungguhnya, Kami telah berpesan kepada Adam pada masa yang lalu," *beberapa kalimah berkenaan Muhammad, Ali, Fatimah, Hasan, Husain dan imam-imam dari keturunan mereka a.s.*" lalu Adam lupa" Demi Allah demikianlah ayat tersebut turun kepada Muhammad s.a.w.". <sup>16</sup>

#### 5.3.2.2.

عن جابر عن ابي جعفر عليه السلام قال: نزل جبرئيل عليه السلام بهذه الآية على محمد صلى الله عليه وآله هكذا: " بئسما اشتروا به أنفسهم أن يكفروا بما أنزل الله في علي بغيا ".

Daripada Jabir daripada Abu Ja'far a.s. katanya: "Jibril a.s. menurunkan ayat ini kepada Muhammad s.a.w. begini: " Alangkah buruknya (perbuatan) mereka yang menjual dirinya sendiri dengan keal-Kafiran kepada apa yang telah diturunkan Allah *berkenaan Ali*, kerana dengki".<sup>17</sup>

5.3.3. Beberapa contoh ayat-ayat al-Quran yang didakwa oleh Syi'ah telah diselewengkan di dalam Tafsir Al-Qummi jilid 1 m.s. 10:

أ- آية قرئت على أبي عبدالله عليه السلام : " } الذين يقولون ربنا هب لنا من أزواجنا وذرياتنا قررة أعين واجعلنا للمتقين إماماً } " فقال أبو عبدالله عليه السلام : لقد سألو الله عظيماً أن يجعلهم للمتقين إماماً . فقليل له : يا ابن رسول الله كيف نزلت ؟ فقال : إنما نزلت " } الذين

<sup>16</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Al-Usul Min al-Kafi* jilid 1 m.s. 119

<sup>17</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Al-Usul Min al-Kafi* jilid 1 m.s. 119

يقولون ربنا هب لنا من أزواجنا  
وذرياتنا قرة أعين وأجعل لنا من  
المتقين إماماً {".

ب- وقوله: " { له معقبات من بين يديه ومن  
خلفه يحفظونه من أمر الله } " فقال أبو  
عبدالله: كيف يحفظ الشيء من أمر الله وكيف  
يكون المعقب من بين يديه؟ فقليل له:  
وكيف ذلك يا ابن رسول الله؟ فقال: إنما  
نزلت " { له معقبات من خلفه ورقيب من  
يديه يحفظونه بأمر الله } " ومثله كثير.

ت- وأما ما هو محرف فهو قوله " { لكن الله  
يشهد بما أنزل إليك في علي أنزله  
بعلمه والملائكة يشهدون } " وقوله: " { يا  
أيها الرسول بلغ ما أنزل إليك في علي  
فإن لم تفعل فما بلغت رسالته } " .

Sebenarnya banyak lagi contoh-contoh ayat-ayat al-Quran yang didakwa oleh Syi'ah telah diselewengkan. Umpamanya apa yang terdapat dalam kitab al-Ihtijaj, Tafsir Majma'ul Bayan karangan At-Thabarsi, Tafsir Al-Ayyasyi dan lain-lain lagi. Kertas kerja yang ringkas ini akan menjadi terlalu panjang andaikata dibawakan kesemuanya kerana riwayat-riwayat berkenaan dengannya melebihi seribu hadis.

Walaubagaimanapun semoga dengan beberapa contoh yang dikemukakan ini kita akan dapat menyedari betapa gigihnya musuh Islam yang bertopengkan Islam ini cuba untuk merobohkan sandaran utama umat Islam ini. Kesemua ini adalah semata-mata kerana dengki terhadap umat Islam yang mempunyai pedoman yang begitu teguh ini lantas mereka musuh-musuh Islam yang sebenarnya terdiri daripada Yahudi, Nasrani dan juga Majusi ingin supaya umat Islam juga kehilangan pedoman yang benar sebagaimana mereka semuanya telah kehilangan kitab-kitab suci mereka.

وَدَّ كَثِيرٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُّونَكُمْ مِنْ بَعْدِ  
إِيمَانِكُمْ كَفَّارًا حَسَدًا مِّنْ عِنْدِ أَنْفُسِهِمْ مِنْ بَعْدِ  
مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحَقُّ

Sebahagian besar Ahli kitab menginginkan agar mereka dapat mengembalikan kamu kepada kekafiran setelah kamu beriman, karena dengki yang (timbul) dari diri mereka sendiri, setelah nyata bagi mereka kebenaran.<sup>18</sup>

Sebelum mengakhiri kertas kerja ini sama-sama kita merenung satu sabdaan Junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. yang berbunyi:

عن علي أن النبي صلى الله عليه وسلم قال له :  
إن سرك أن تكون من أهل الجنة فان قوما  
ينحلون حبك ، يقرأون القرآن لا يجاوز  
تراقيهم ، لهم نبز يقال لهم الرافضة ،  
فان أدركتهم فجاهدهم ! فانهم مشركون .

Bermaksud: Diriwayatkan dari Ali bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Kiranya engkau ingin menjadi ahli syurga maka nanti akan muncul satu golongan yang mendakwa cintakan engkau, mereka membaca al-Qur'an tetapi pembacaannya tidak melampaui halkum mereka (tidak meresap ke dalam hati), mereka dikenali sebagai Rafidhah. Sekiranya engkau sempat menemui mereka, perangilah mereka kerana mereka adalah golongan musyrikun."<sup>19</sup>

Demikianlah serba ringkas penjelasan berkenaan usaha Syi'ah yang cuba untuk menyelewengkan al-Quran. Semoga Allah ta'ala memelihara kita semua dari fitnah yang sangat besar ini.

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا  
مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ

Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisiMu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberianNya.

---

<sup>18</sup> Al-Baqarah 109

<sup>19</sup> Ali al-Muttaqi, Kanzu Al-Ummal jilid 11, halaman 324